



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

**Presiden**  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

**Timbalan Presiden**  
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

**Naib Presiden**  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

**Setiausaha Kehormat**  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

**Bendahari Kehormat**  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

**Penolong Setiausaha**  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

**Penolong Bendahari**  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

**Ahli-ahli Jawatankuasa**  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN  
TUDM(B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

**Juruaudit Dalam**  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

**Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur**  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

**Pengerusi Zon Selangor**  
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

**Pengerusi Zon Johor**  
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

**Pengerusi Zon Perak**  
ZAITON BT MOHD NUSI

**Pengerusi Zon Kelantan**  
AFENDI BIN MUKHTAR

**Pengerusi Zon Pahang**  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

**Pengerusi Zon Pulau Pinang**  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

**Pengerusi Zon Kedah & Perlis**  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

**Pengerusi Zon Melaka**  
DATO' GAN PENG LAM

**Pengerusi Zon Negeri Sembilan**  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

**Pengerusi Zon Sabah**  
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

**Pengerusi Zon Sarawak**  
SHAHARUDDIN B. SAMSI

**Sekretariat**

**Pengurus Besar**  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(27)

1 JULAI 2021

## **SEMUA AHLI PIKM** (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT EDARAN PIKM KE-27/2021:** **KAJI SELIDIK RISIKO PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA PERSAINGAN** **2010 TERHADAP OPERASI PASARAN AHLI-AHLI PERSATUAN** **INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk. Pemakluman berhubung kaji selidik tersebut semasa Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-27 pada 17 Disember 2020 juga berkaitan.

2. Sebagai latar belakang, Persatuan mendapati fenomena kekangan untuk mengawal kadar harga perkhidmatan menjadi isu penting bagi kelestarian (*sustainability*) ahli-ahlinya. Punca utama isu ini termaktub dalam peruntukan Seksyen 4 (2) Akta Persaingan 2010. Atas dasar itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) PIKM bersetuju satu kajian dilaksanakan bagi menyediakan justifikasi kepada kerajaan bagi tujuan pengecualian. Rentetan itu, antara tindakan yang diambil oleh Persatuan secara ringkas adalah seperti berikut:

- 2.1 **17 Ogos 2020** - Pelantikan Kumpulan Penyelidik yang diketuai seorang pensyarah kanan Fakulti Undang-Undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dibantu oleh seorang ahli ekonomi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), seorang ahli perundangan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan seorang pembantu penyelidik dari UKM;
- 2.2 **26 Mac 2021** - Pembentangan Laporan Milestone 1 kepada Setiausaha Bahagian (SUB) Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- 2.3 **6 April 2021** - Pembentangan Laporan Milestone 1 (Pengumpulan Data Dan Maklumat Perundangan) kepada AJK PIKM;
- 2.4 **5 Mei 2021** - Surat kepada Menteri Dalam Negeri berkaitan Laporan Milestone 1 dan pengesyoran oleh Persatuan semasa mesyuarat bersama SUB Keselamatan KDN.

3. Lanjutan itu, keputusan dibuat dengan sokongan pihak KDN untuk meneruskan kajian bagi melengkapkan Milestone 2 iaitu:

**3.1 Analisis Data dan Maklumat Perundangan**

Analisis Data dan Maklumat Perundangan diselenggarakan melalui rujukan-rujukan berkaitan;

**3.2 Analisis Ekonomi**

Bagi Analisis Maklumat Ekonomi, kumpulan penyelidik telah **menyediakan Soal Selidik** berkaitan Kajian Struktur Pasaran dan Faktor dalam Industri Keselamatan di Malaysia.

Kedua-dua sub-kajian ini dijangka akan melengkapkan justifikasi untuk Persatuan kemukakan kepada kerajaan bagi tujuan pengecualian yang dimaksudkan.

4. Merujuk kepada perkara di atas, **ahli-ahli PIKM dijemput untuk mengambil bahagian dalam kaji selidik penyelidikan ini**. Struktur soal selidik yang dikemukakan adalah secara terbuka di mana **para responden bebas menyatakan pandangan dan pendapat mereka mengenai isu-isu yang berkaitan dengan industri keselamatan**. Hasil kajian daripada maklumbalas soal selidik ini akan membantu para penyelidik untuk memahami struktur industri keselamatan dengan lebih baik, dan seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan industri keselamatan di Malaysia.

5. Projek penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji syarikat keselamatan sedia ada dan prospek pengguna, implikasi dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap ekosistem pemain industri. Serta mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan peningkatan kualiti industri sama ada hasil daripada penggunaan teknologi atau aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

6. Di samping itu, objektif utama projek penyelidikan ini juga adalah untuk memahami struktur pasaran industri keselamatan swasta serta ciri-ciri industri dan faktor penentu yang mempengaruhi ekosistem syarikat keselamatan untuk menembusi pasaran.

7. Kajian soal selidik ini merangkumi empat bahagian iaitu:

7.1 Latar belakang syarikat;

7.2 Struktur pasaran;

7.3 Perlakuan pasaran serta;

7.4 Keluar dan masuk perusahaan dalam industri.

8. Tinjauan ini akan mengambil masa kira-kira 15 sehingga 20 minit untuk disiapkan. Kajian ini hendaklah dihantar sebelum atau **pada 16 Julai 2021 (Jumaat)**. Ahli-ahli dijemput untuk mengakses pautan seperti berikut:

**[Versi Bahasa Melayu]**

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSd1oON8dhmdYSyPgHTaxUcrC4SQSPGH0gz37bw21Pz7YYIBFw/viewform?usp=sf\\_link](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSd1oON8dhmdYSyPgHTaxUcrC4SQSPGH0gz37bw21Pz7YYIBFw/viewform?usp=sf_link)

atau;

**[Versi Bahasa Inggeris]**

[https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScx5Mc9yGVenGn08MI9OlaE4AgCxsZD31IIP0cWs8XTd8Fn2A/viewform?usp=sf\\_link](https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScx5Mc9yGVenGn08MI9OlaE4AgCxsZD31IIP0cWs8XTd8Fn2A/viewform?usp=sf_link)


9. Hasil dapatan yang dikumpulkan daripada kajian tinjauan ini akan dirahsiakan. Maklumat peribadi akan diasingkan dan tidak dikaitkan dengan laporan kajian ini, melainkan untuk tujuan statistik sahaja dalam bentuk laporan umum.

10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi penyelidik Dr. Hanny Zurina Hamzah (Pensyarah Kanan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM Serdang) di alamat emel [hannyzurina@upm.edu.my](mailto:hannyzurina@upm.edu.my).

Untuk perhatian dan tindakan lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF  
PRESIDEN**